

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**Press Release
Kenyataan media**



19 Mei 2023

Chancellory Division
UNIMAS Corporate
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 51216
Fax +60 82 665088
Email: aifarah@unimas.my

Program SULAM dan Global Classroom Hutan Bakau UNIMAS dan UNTAN dengan masyarakat desa di Kalimantan Barat

Oleh : Dr Farah Akmal Idrus

Kesepakatan membawa berkat. Itulah yang digambarkan oleh para peserta projek Service Learning University (SULAM) dan Global Classroom Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Malaysia – Universitas Tanjungpura (UNTAN), Pontianak, Indonesia (SULAM & Global Classroom UNIMAS-UNTAN 2023), yang berlangsung di Pontianak, Indonesia, baru-baru ini.

Projek yang diadakan selama tujuh hari (7) yang dilaksanakan pada 7-14 Mei 2023, anjuran Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS), UNIMAS, Malaysia dan Fakultas Kehutanan, UNTAN, Indonesia. Projek ini menerima tajaan daripada Pertamina Indonesia. Seramai 28 orang mahasiswa dari program Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik, UNIMAS, dan 20 orang mahasiswa dari program Kehutanan, UNTAN telah menyertai projek khidmat masyarakat ini.

'The Beauty of Mangrove' merupakan tema bagi projek kali ini yang bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat yang tinggal berhampiran hutan bakau di Kalimantan Barat. Dua desa telah dipilih iaitu Desa Sungai Kupah, Kecamatan sungai Kakap, Kabupaten Kubu Raya, dan Desa Pasir, Kecamatan Mempawah Hilir, Kabupaten Mempawah. Seramai lebih kurang 30 orang kaum ibu telah menyertai projek di Desa Sungai Kupah, manakala lebih kurang 50 orang pelajar dari 6 buah sekolah menengah atas (SMA) telah menyertai projek di Desa Pasir.

“Mahasiswa-mahasiswa dari UNIMAS dan UNTAN berganding bahu menyediakan dan memberikan khidmat masyarakat kepada masyarakat di desa yang dipilih ini,” kata Dr Farah Akmal Idrus, Ketua projek SULAM dan Global Classroom Akuatik, UNIMAS. Menurutnya lagi, “Tiga kuliah telah disampaikan kepada semua mahasiswa sebelum projek SULAM dijalankan supaya semua pelajar bersedia sebelum turun ke lapangan”.

Selain Dr Farah, pensyarah pengiring dari UNIMAS ialah Prof. Madya Dr Khairul Adha A.Rahim, Dr Ahmad Shafiq Ahmad Nasir dan Dr Lidyana Roslan.

Menurut Dr Farah yang juga merupakan Pensyarah Kanan dalam bidang Sains Alam Sekitar dan Kelautan (Kimia Akuatik), kumpulan mahasiswa ini dibahagikan kepada tujuh kumpulan, dan setiap kumpulan diberikan satu aktiviti kemasyarakatan, beserta seorang pensyarah pembimbing.

Tujuh aktiviti SULAM atau juga dikenali sebagai Pengabdian Kepada Masyarakat (PKM) di bawah program Merdeka Belajar Kampus Merdeka (MBKM) Internasional di Indonesia, menekankan peranan penting hutan bakau, teknik penanaman tumbuhan di hutan bakau, mengenal pasti jenis flora bakau, penghasilan sirap dan kraftangan '*eco-print*' daripada buah dan daun bakau, penghasilan teh daun jeruju, manfaat tumbuhan bakau sebagai ubat-ubatan, dan pengurusan hutan bakau sebagai lokasi eko-pelancongan.

Menerusi projek ini juga, mahasiswa UNIMAS belajar menyampaikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari dalam kursus STA2043 Ekologi Bakau dan Muara kepada masyarakat desa, terutamanya dalam usaha memulihara hutan bakau. Mereka juga didedahkan dengan potensi eko-pelancongan yang dapat menjana ekonomi masyarakat setempat.

Dr. Ir. Radian, Timbalan Rektor (Akademik) UNTAN, yang mewakili Rektor UNTAN, dalam ucapan perasmianya berkata, program MBKM Internasional merupakan salah satu upaya untuk memperkuat kerjasama antara universiti di Indonesia dengan universiti di luar negara dalam rangka meningkatkan kualiti pendidikan dan pengembangan masyarakat.

"Program ini tidak hanya memberikan kesempatan bagi mahasiswa untuk belajar di lingkungan internasional, tetapi juga meningkatkan kemampuan mereka dalam memecahkan masalah sosial yang dihadapi masyarakat," ujarnya.

Sementara itu, Dekan Fakultas Kehutanan, UNTAN, Dr. Ir. Farah Diba berkata, projek SULAM dan PKM ini penting bagi memastikan masyarakat peka dan cakna dalam menjaga hutan bakau agar tragedi bencana alam, contohnya Tsunami, tidak berlaku lagi seperti yang pernah terjadi di Aceh dahulu akibat ekosistem hutan bakau yang rosak.

Menurutnya lagi, hutan bakau turut berpotensi memberikan peluang penghasilan produk yang boleh diusahakan oleh masyarakat setempat untuk dijual kepada pengunjung.

“Aktiviti ini diharapkan dapat membantu memberikan idea dan kemahiran yang sesuai kepada masyarakat desa dalam menambahkan ekonomi mereka,” katanya.

Melalui program ini juga, mahasiswa-mahasiswa membantu pihak pengurusan hutan bakau di Telok Berdiri dan di *Mempawah Mangrove Park*, yang kedua-duanya terletak di pesisir pantai berhadapan dengan Laut China Selatan, dengan menanam anak pokok bakau dari spesis *Rhizophora mucronata*. Pemilihan spesis ini adalah kerana ia merupakan spesis utama dan mempunyai peranan penting sebagai penghadang dari ombak kuat, seterusnya mengelakkan proses hakisan berlaku.

Selain daripada itu, persekitaran hutan bakau yang baik dapat dijadikan kawasan penghasilan madu kelulut. Mahasiswa-mahasiswa telah mendapat pengalaman untuk menuai hasil madu kelulut dan merasa perbezaan madu kelulut yang dipelihara di kawasan hutan bakau dan di kawasan hutan daratan lain.

Jonathan Bin Joseph, salah seorang mahasiswa UNIMAS dari Sarikei, Sarawak yang menyertai projek SULAM dan Global Classroom ini berasa amat teruja dan gembira kerana berpeluang belajar tentang penghasilan teh daun jeruju. “Saya akan berkongsi pengalaman pembuatan teh ini kepada ahli keluarga dan masyarakat di kampung saya pula selepas ini,” katanya.

Manakala Chin Ping Kun (UNIMAS), Nurhaniezah Syafiah Abd Rahman (UNIMAS) dan Vickaria Vara (UNTAN) pula tidak menyangka bahawa banyak tumbuhan bakau yang boleh dimanfaatkan sebagai ubat tradisional untuk kesihatan umum manusia.

“Proses penghasilannya juga mudah, contohnya, daun pokok bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) dihancurkan dan diletakkan pada permukaan kulit yang luka membantu mempercepatkan proses penyembuhan. Buah bakau kurap (*Rhizophora stylosa*) pula boleh mengurangkan bengkak,” kata mereka.

Bagi Muhammad Daniel Haikal Khairul Faizi, dia pada awalnya merasa sangat takut dan berdebar-debar untuk berkomunikasi dengan masyarakat di desa. “Saya jarang bergaul dengan masyarakat lebih tua dan semuanya kaum ibu. Saya bimbang jika tersalah kata dan apa yang disampaikan tidak mendapat sambutan.”

Tetapi katanya, semua itu hanya perasaannya sahaja dan tidak menyangka masyarakat desa menyambut kedatangan mereka dengan baik dan telah memberikan kerjasama yang luar biasa. Selain itu, kedua-dua mahasiswa universiti tersebut dilihat semakin mesra, dapat belajar tentang perbezaan bahasa dan budaya, dan paling penting dapat saling bertukar fikiran tentang aktiviti pembelajaran masing-masing.

Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, UNIMAS dan Fakultas Kehutanan, UNTAN turut berharap agar aktiviti seperti ini dapat dilakukan secara tahunan dalam memperkuatkan jaringan kerjasama yang terjalin antara keduanya.

U N I M A S